

# PM tempelak tuduhan tak tingkat ekonomi negara

Pertumbuhan 5.9 peratus suku kedua bukti kejayaan kerajaan

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my


**Johor Bahru:** Pencapaian ekonomi Malaysia yang positif pada suku kedua 2024, disebabkan pelbagai agenda disusun Kerajaan Perpaduan menerusi kerangka agenda ekonomi MADANI, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Susulan itu, Perdana Menteri menempelak pandangan negatif dan hasutan oleh sesetengah pihak dalam negara yang berterusan menuduh Kerajaan Perpaduan tidak melakukan apa-apa bagi meningkatkan ekonomi negara.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata kalau tiada apa yang dilakukan kerajaan, tidak mungkin Malaysia dapat mencapai pertumbuhan 5.9 peratus pada suku kedua.

Katanya, jika tidak ada pengumuman seperti yang dibuat menerusi Program MADANI, rakyat tidak tahu apa perkara positif yang setakat ini sudah dicapai oleh negara.

"Maka, timbullah pandangan negatif dan hasutan, seolah-olah tidak ada apa yang dilakukan kerajaan.



"Jika tidak ada pengumuman seperti yang dibuat menerusi Program MADANI, rakyat tidak tahu apa perkara positif yang setakat ini sudah dicapai oleh negara"

Anwar Ibrahim, Perdana Menteri

"Kita lihat kejayaan ini (perkembangan ekonomi negara) babit kerjasama semua pihak membabitkan kerajaan swasta, penjawat awam, rakyat, pekerja, petani pekebun kecil sehinggalah nelayan.

"Semuanya ini menyebabkan keyakinan pelabur dengan ringgit antara mata wang yang peningkatannya terkuat di rantau kita...Alhamdulillah," katanya ketika berucap menutup Program MADANI Rakyat Zon Selatan 2024 di Dataran Universiti Teknologi Malaysia (UTM), semalam.

Ekonomi Malaysia pada suku kedua 2024 dilaporkan berkembang 5.9 peratus, mengatasi unjuran awal 5.8 peratus yang diumumkan bulan lalu dan ia juga pertumbuhan yang tertinggi sejak suku keempat 2022.

Bagi tempoh separuh pertama 2024 hingga 30 Jun lalu, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk

Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, dilaporkan berkata pertumbuhan itu dipacu peningkatan ketara perbelanjaan isi rumah dan pasaran kerja yang kukuh serta sokongan dasar yang lebih meluas.

Pada masa sama, Anwar melahirkan kekecewaan susulan selangintir pihak di negara ini terus mencerca dan membuat pelbagai tohmahan terhadapnya dan Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri mendakwa, setiap langkah dan tindakan yang dibuat turut diperkecil dan diperlekehkan seolah-olah tiada manfaat diperoleh rakyat di negara ini

"Saya tiada masalah, termasuk di Johor, jika ada mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau EXCO beri teguran, saya terima.

"Namun, sikap mengaibkan, mencerca dan memperlekeh apa yang dilakukan secara berterusan, termasuk ganjaran penja-

wat awam, seakan tidak pernah berkesudahan.

"Padahal pelarasan gaji penjawat awam diumumkan selepas pengiraan teliti dibuat dan kenaikan ini kepada kakitangan pendapatan rendah antara RM2,000 hingga RM2,500, supaya pendapatan kakitangan rendah dan tinggi tidak terlalu melebar.

"Janganlah kufur nikmat. Janganlah ekonomi baik tak syukur, naik gaji tak syukur, negara aman pun tak bersyukur," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pelbagai tohmahan dan cercaan melampau turut dilempar terhadapnya, termasuk beliau kononnya menjadi tali barut Israel, Amerika Syarikat dan DAP.

"Apa yang ditohmah dan didengar di luar sudah keterlaluan. Padahal saya berkerja dalam satu pasukan dalam gabungan Kerajaan Perpaduan.

"Islam tetap agama rasmi Persekutuan, hak Bumiputera terus dipertahankan dan Raja-Raja Melayu terus kekal.

"Kerajaan Perpaduan tak pernah ubah prinsip ini. Oleh itu, jangan dengar tohmahan dan cercaan jahat di luar yang bertujuan hanya mahu memfitnah.

"Biarlah mereka ini menjerit dan melalak kerana dalam dunia politik memang ramai pembelit, politik hasad dengki dan cemburu. Gunakan kebebasan kewarasan akal fikiran," katanya.